

12 OCT 1996

UMNO : AHMAD KAMIL DILANTIK DUTA KHAS KE EROPAH TIMUR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Pelantikan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar sebagai duta khas negara ke Eropah Timur dibuat kerana beliau masih boleh memberikan sumbangan berharga kepada Malaysia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata pelantikan itu dibuat sebulan lalu iaitu selepas Ahmad Kamil bersara sebagai Ketua Setiausaha di Wisma Putra

"Eropah Timur ialah satu kawasan yang beliau mempunyai contact yang baik," kata Abdullah kepada pemberita selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyentuh pelantikan Ahmad Kamil itu ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan itu hari ini.

Bagaimanapun, Abdullah berkata pelantikan Ahmad Kamil bukan terhad kepada Eropah Timur saja memandangkan beliau boleh ditugaskan ke kawasan-kaawasan lain yang difikirkan perlu. -- BERNAMA

MAM MAI